

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

PERSATUAN PENDIDIKAN PERUBATAN LEPASAN IJAZAH HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU, JOHOR (PGMS SULTANAH AMINAH HOSPITAL)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

PERSATUAN PENDIDIKAN PERUBATAN LEPASAN IJAZAH HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU, JOHOR (PGMS SULTANAH AMINAH HOSPITAL)

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**CLINICAL RESEARCH CENTRE, HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JALAN
PERSIARAN ABU BAKAR SULTAN,
80100 JOHOR BAHRU
JOHOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**CLINICAL RESEARCH CENTRE, HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JALAN
PERSIARAN ABU BAKAR SULTAN,
80100 JOHOR BAHRU
JOHOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

- (1) Mengembangkan aktiviti pendidikan berterusan, penyelidikan dan latihan dalam semua bidang yang berkaitan dengan kesihatan dan perawatan penyakit termasuk pengurusan Hospital, bidang perubatan dan teknologi maklumat bagi semua lapisan wargakerja Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.
- (2) Menyelaraskan aktiviti-aktiviti saintifik yang berkaitan dengan pengalaman perubatan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.
- (3) Berfungsi sebagai jentera pendidikan berterusan dan mengemaskinikan pengetahuan professional dalam semua bidang perubatan.
- (4) Mempertingkatkan kesedaran awam berkenaan isu-isu kesihatan (Health Promotion).
- (5) Memastikan wargakerja Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor mendapatkan latihan yang perlu bagi penggunaan teknologi maklumat dengan berkesan.
- (6) Pertubuhan ini boleh menjalankan kutipan derma daripada bukan ahli dan menerima sumbangan bagi membiayai dan menjalankan objektif Pertubuhan dengan syarat mendapatkan kebenaran dahulu daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan Pendaftar Pertubuhan.
- (7) Pertubuhan ini boleh menjalankan aktiviti perniagaan dan ekonomi secara sah atas nama Pertubuhan dengan syarat semua wang dan keuntungan yang diperolehi oleh Pertubuhan akan digunakan semata-mata melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan ini dan tidak digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Pertubuhan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya sebarang ahli atau pekerja Pertubuhan ini dengan syarat mereka telah memberikan perkhidmatan kepada Pertubuhan ini.

FASAL 4 KEAHLIAN

(1) Pertubuhan ini mempunyai keahlian kepada tiga kategori.

(a) Ahli Biasa :

Ahli Biasa adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang terdiri daripada kategori seperti yang dinyatakan di bawah ini; dan jumlah keahlian tidak terhad dan terbuka kepada semua kaum tidak mengira jantina, bangsa dan keturunan.

i. Paramedik dari semua lapisan yang bertugas di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.

ii. Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dari semua lapisan, yang didaftarkan di

Malaysia dan bertugas di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.

iii. Pegawai Pentadbiran dari semua lapisan yang bertugas di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.

iv. Semua Pegawai dan Kakitangan yang bertugas di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru seperti Pegawai Farmasi, Pegawai Penyelidik, Pegawai Sains, Pegawai Teknologi Maklumat, Pegawai Perpustakaan, Jurutera dan sebagainya.

(b) Ahli Bersekutu

Ahli Bersekutu terbuka kepada:

i. Pegawai atau ahli professional dari mana-mana Badan Korporat yang memberi khidmat kepada Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

ii. Kakitangan Hospital lain samada Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta di luar Daerah Johor Bahru.

iii. Kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia

- Ahli Bersekutu tidak berhak mengundi atau dilantik untuk memegang jawatan Ahli Jawatankuasa

(c) Ahli Kehormat:

Ahli Kehormat dikurniakan kepada seseorang yang telah memberi sumbangan terhadap bidang perubatan di Malaysia terutama di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan akan dilantik oleh Jawatankuasa. Ahli Kehormat tidak boleh mengundi atau dilantik memegang jawatan Ahli Jawatankuasa.

i) Tiap-tiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua (2) orang ahli dan disampaikan kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

ii) Tiap-tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut diatas, hendaklah setelah membayar bayaran sekaligus seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Persatuan dan berhaklah ia sebagai ahli.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan daripada ahli tersebut. Keputusan mesyuarat adalah muktamad.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

(1) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:

Bayaran masuk RM 5.00 (Ringgit Malaysia :Lima Sahaja) bagi Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu.

Yuran Tahunan RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja).

Ahli Kehormat tidak dikenakan sebarang bayaran.

(2) Yuran Tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum 31 hb. Januari tiap-tiap tahun.

(3) Ahli yang berada di seberang laut dalam tempoh melebihi satu tahun dikecualikan dari bayaran yuran tahunan sekiranya beliau bukan ahli seumur hidup. Yuran tahunan ini perlu dibayar apabila beliau kembali bertugas di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk tahun berikutnya.

(4) Ahli yang membiarkan hutang yurannya tidak dibayar selepas 31hb Januari akan menerima surat atau e-mail peringatan yang ditandatangani oleh wakil setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya dijelaskan.

(5) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi dua tahun dengan sendirinya terhenti menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

(6) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya dilucut disebabkan hutang.

(7) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka hutang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

(1) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(2) Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan sekiranya korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka ahli-ahli yang hadir berkuasa untuk meneruskan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan.

(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah:

(a) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan Perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;

(b) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;

(c) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik Pemeriksa Kira-Kira 2 tahun sekali ; dan

(d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

(4) Setiausaha hendaklah menghantar notis mesyuarat Agung kepada ahli Pertubuhan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Agenda Mesyuarat Agung termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit hendaklah diberikan kepada ahli Pertubuhan. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan berdaftar Pertubuhan.

(5) Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:

(a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau

(b) atas permintaan secara bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan sebab dan tujuan mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.

(6) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada

satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permohonan mesyuarat itu.

(7) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

(8) Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atau permintaan Ahli-Ahli Pertubuhan dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.

(9) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan deraf minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dalam masa 60 hari setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 8 JAWATANKUASA

(1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih 2 tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Tahunan:

Seorang Presiden
Seorang Naib Presiden
Seorang Setiausaha
Seorang Penolong Setiausaha
Seorang Bendahari
6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

(2) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

(3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong oleh ahli pertubuhan dan pemilihan akan dijalankan 2 tahun sekali dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

(4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya. Jawatankuasa juga mesti sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa dikehendaki mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

(5) Jawatankuasa dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 3 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

(6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha boleh mendapat kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai boleh diterima:

a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam surat pekeliling atau mukasurat maya yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;

b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan

c) Keputusan hendaklah mengikut dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

(7) Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

(8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka Jawatankuasa Pertubuhan berkuasa untuk melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

(9) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia juga boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan nama dan kepentingan Pertubuhan.

(10) Jawatankuasa boleh menubuhkan jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli jawatankuasa.

(1) Presiden, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan dikehendaki menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha dan bendahari.

(2) Naib Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang Pertubuhan dan menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimitkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1996. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari.

(4) Penolong Setiausaha akan menolong Setiausaha dalam segala tugasnya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

(5) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua hal ehwal kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha.

(6) Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah menghadiri mesyuarat dan membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas-tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10 KEWANGAN

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang Pertubuhan boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa akaun. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

(2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.

(3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha atau Bendahari, maka bolehlah Jawatankuasa pertubuhan melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.

(4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) dan ke atas bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapatkan kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama – sama dengan Setiausaha dan Bendahari.

(5) Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan berdaftar Pertubuhan.

(6) Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 11 JURUAUDIT

(1) Dua orang ahli yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik 2 tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.

(2) Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA

(1) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).

(2) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik

harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapatkan kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung Pertubuhan.

(3) Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agung.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

(1) Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

(2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

Pengarah Hospital, Hospital Sultanah Aminah dilantik menjadi Penasihat Pertubuhan ini secara automatik.

FASAL 15 LARANGAN

(1) Permainan yang disebutkan di bawah tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh, Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

(2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

(3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan;

(4) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 16 **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

(1) Pertubuhan ini memutuskan hanya ahli biasa boleh membuat permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang perlembagaan. Permohonan pindaan undang-undang mesti dicadangkan oleh sekurang-kurangnya dua ahli biasa sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum mesyuarat agung.

(2) Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 **PEMBUBARAN**

(1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima ($3/5$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi di dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.

(2) Sekiranya Pertubuhan hendaklah dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam mesyuarat agung berkenaan.

(3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 18 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
 -
 - Keterangan
 -
2. Lambang
 -
 - Keterangan
 -
3. Lencana
 -
 - Keterangan
 -